

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE  
KEEN  
(SELAYANG)**

**TARIKH : 07.4.2014  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan punca dan alasan kejadian pencerobohan Lahad Datu dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah tersebut.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pencerobohan di Lahad Datu pada 12 Februari 2013 oleh sekumpulan penceroboh kononnya bertujuan menuntut Negeri Sabah.**

**Walau bagaimanapun, pada 23 Oktober 2001, Mahkamah Antarabangsa telah memutuskan bahawa Sabah dan semua kawasan kepulauannya adalah di bawah Persekutuan Malaysia. Penghakiman ini dibuat setelah meneliti kesemua faktor yang berkaitan seperti sejarah, keadaan geografi dan hak penduduk untuk bersama dengan kerajaan yang mereka pilih. Justeru permasalahan wilayah tidak lagi wujud kerana Sabah dengan secara mutlaknya menjadi sebahagian dari negara Malaysia dan segala pentadbiran negeri sudah termaktub di dalam Persekutuan Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam mengukuhkan keselamatan dan kedaulatan negara, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. menubuhkan kawasan keselamatan khas di pantai timur Sabah atau dikenali sebagai *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) pada 7 Mac 2013 yang berpusat di Lahad Datu dan melibatkan 10 daerah iaitu dari Kudat hingga ke Tawau bagi mengawal selia kawasan persisiran pantai yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (AAPMM) dan Jabatan Imigresen Malaysia di sepanjang persisiran pantai 1,400 km;
- ii. mengambil langkah-langkah memperkukuhkan kawalan dan penguatkuasaan keselamatan di kawasan daratan dan sempadan maritim melalui rondaan, peningkatan risikan *Intelligence, Surveillance dan Reconnaissance* (ISR) (*dengan izin*);

- iii. menunjukkan kehadiran (*show of presence*) melibatkan aset-aset ATM di persisir pantai dan perairan Timur Sabah; dan
- iv. melaksanakan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang menekankan bahawa tanggungjawab keselamatan negara tidak hanya dipikul oleh pasukan keselamatan tetapi juga adalah merupakan tanggungjawab bersama di mana masyarakat boleh menjadi 'mata dan telinga' pasukan keselamatan. Pendekatan ini memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua rakyat serta meningkatkan kerjasama keselamatan.